

20 SEP 1998

Elizabeth-Ketibaan (Bergambar)

RATU ELIZABETH TIBA UNTUK LAWATAN RASMI EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, Sept 20 (bernama) -- Ratu Elizabeth II dari Britain tiba di sini, hari ini bagi lawatan rasmi empat hari dan juga untuk menutup temasya Sukan Komanwel ke 16, iaitu sukan kedua terbesar di dunia.

Baginda diiringi oleh suaminya Putera Philip dan Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Robin Cook.

Kali terakhir Ratu Elizabeth melawat negara ini ialah pada 1989 apabila Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan lawatan kali ini dikatakan sebagai menggambarkan hubungan baik antara Britain dan Malaysia.

Ketibaan pasangan diraja itu di kompleks VVIP Bunga Raya di Lapangan Terbang KL (KLIA), di Sepang, disambut oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak selaku menteri pengiring untuk baginda Ratu itu dan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek sebagai menteri pengiring Putera Phillip.

Ratu Elizabeth ialah orang kenamaan pertama untuk menggunakan Kompleks VVIP bernilai RM80 juta yang baru siap.

Aturcara sambutan rasmi akan diadakan di medan Parlimen pagi esok.

Sejurus selepas ketibaan itu, baginda Ratu dan Putera Phillip dijadualkan menghadiri upacara sembahyang di Gereja St Mary berhampiran Dataran Merdeka dan kemudiannya baginda akan menemui pemenang-pemenang pingat emas Sukan Komanwel di Carcosa Seri Negara, di sini lewat petang ini.

Ratu Elizabeth dan Putera Philip, dijangka memulakan aturcara rasmi lawatan selepas menutup Kuala Lumpur 98 esok.

Ratu Elizabeth juga akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum melawat Zon Antarabangsa dan Stadium Nasional di Kompleks Sukan Bukit Jalil, di mana sukan Kuala Lumpur 98 itu berlangsung.

Antara lain, baginda dijangka merasmikan satu pameran di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), melawat sebuah pusat pendidikan British/Malaysian, sebuah pusat bagi kanak-kanak malang dan sebuah pusat bagi orang buta.

Sementara itu Putera Philip yang juga "Duke of Edinburgh" akan mempunyai aturcara tersendiri termasuk menemui tokoh-tokoh sektor kewangan Malaysia dan lawatan ke Cyberjaya untuk mendengar taklimat mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

-- BERNAMA

WNZ PR WAT